

## **ULASAN BUKU/BOOK REVIEW**

*Fostering Language Teaching Efficiency Through Cognitive Linguistics*, eds. Sabine De Knop, Frank Boers and Antoon De Rycker. Berlin: Mouton De Gruyter, 2010, xiii + 388 pp.

Buku ini mengandungi 16 kertas ilmiah terpilih daripada simposium *Pendekatan Kognitif Bagi Memproses Bahasa Kedua/Asing* pada Mac 2008 di Landau, German. Simposium ini bertujuan memperbaiki dua kelemahan pedagogi linguistik kognitif. Menurut penyunting, pengkaedahan kognitif setakat ini hanyalah cadangan tanpa sebarang bukti keberkesanan. Kelemahan yang kedua berkaitan dengan sasaran pengajaran yang tidak teratur. Sebagai contoh, skop pedagogi yang terbabit hanya secara kebetulan bersinambung dengan fokus pengkaji.

Dalam bab kedua (hlm. 29–57) selepas bab pengenalan, Taylor meneruskan perdebatan teoretikal "struktur batin" dan "struktur lahir" sebagai sari pati bahasa yang diutarakan dalam Chomsky (1986). "Struktur batin" dalam sesuatu bahasa (*internal language*), menurut Taylor boleh diketahui daripada "struktur lahir" (*external language*) sistem tatabahasa. Pendedahan pada bahasa harian merupakan asas pembentukan "struktur batin" kerana minda bahasa yang terpendam memerlukan penakrifan dan penerapan bahasa harian. Dengan ini, satu hubungan bertimbal balik antara struktur lahir tatabahasa dan rangkaian binaan batin didapati bertaup di dalam penyelidikan pemerolehan bahasa.

Pandangan ini masih diragukan kerana minda anak kecil tidak akan menguasai bentuk bahasa yang berkesalahan nahu. Kanak-kanak berkemampuan memahami bentuk dan jalan bahasa yang betul secara langsung selepas didedahkan dalam masa 12 hingga 24 bulan. Bentuk ayat yang bercelaru tidak terbentuk dalam minda bahasa kanak-kanak yang sihat secara tersendiri. Bunyi bahasa yang berlainan daripada bahasa ibunda terus tertapis daripada minda bahasa penutur asli tanpa sebarang kesukaran. Gejala pemerolehan bahasa semula jadi ini menyokong kewujudan "struktur batin" sebagai rekaan jati minda bahasa semula jadi. Dengan ini konsep Nahu Universal dapat diterbitkan daripada Nahu Transformasi Generatif yang dirintis oleh Chomsky, sama ada pengaruh bahasa terapan wujud atau sebaliknya (sila lihat Chomsky, 2005 bagi hala tuju perkembangan nahu generatif).

Sebenarnya, pemikiran linguistik generatif tidak boleh dianggap buah fikiran Chomsky yang asli kerana dasar nahu dalam teori transformatif pada peringkat awal telah dipengaruhi oleh nahu Port Royal yang berdasarkan falsafah Cartesian pada zaman Rene Descartes (sila lihat keterangan sejarah linguistik dalam Asmah, 2010). Walau bagaimanapun, usaha Noam Chomsky dalam bidang linguistik dan ilmu kemanusiaan telah diakuri sebagai bapa linguistik kognitif

moden yang telah dihargai dengan anugerah sebanyak 36 gulung ijazah doktor kehormat oleh menara gading dari seluruh dunia.

Bab kesembilan ditulis oleh Littlemore, Chen, Tang, Koester dan Barnden (hlm 189–211). Perbincangan mereka berasaskan tanggapan bahawa metafora dan metonimi merupakan kod tersendiri sesuatu komuniti bahasa. Kod ini menjadi masalah bagi penutur asing. Justeru pedagogi metafora dan metonimi ialah sebahagian daripada pendidikan bahasa asing yang memerlukan perancangan kurikulum yang teliti berbeza dengan pengkaedahan tatabahasa. Berdasarkan korpus yang mengandungi 160 kuliah dan 40 seminar di Universiti Birmingham 10%–13% perkataan yang digunakan bersifat metafora. Para pengkaji berpendapat bahawa pelajar graduan bukan penutur bahasa Inggeris (dari Bangladesh) yang tidak faham makna simboliknya akan menghadapi masalah pemahaman dalam proses pembelajaran di universiti Inggeris.

Kajian ini menarik perhatian pembaca kerana nama profesor handalan di Birmingham seperti Michael Toolan, James Wilson, Geoff Barnbrook dan Paul Cobley disebut secara terang-terangan sebagai tuan empunya kuliah yang telah dijadikan sasaran kajian. Malahan pencerakinan kandungan kuliah menurut kekerapan metafora yang digunakan dalam syarahan kuliah setiap profesor diagihkan dengan jelas ke dalam jadual secara kemas. Antara contoh metafora yang ditemui dalam kuliah bahasa Inggeris termasuk *swine*, *bare knuckle fighting*, *combating* dan *bastard*.

Kesimpulan awal yang dibuat oleh pengkaji ialah penggunaan metafora dalam kuliah bahasa Inggeris di Birmingham memberikan cabaran yang rumit kepada 20 orang pelajar Bangladesh pada peringkat sarjana. Adalah jelas bahawa cabaran pendidikan bahasa dari sudut pedagogi terbahagi pada dua peringkat. Peringkat pertama ialah masalah penguasaan perkataan bahasa Inggeris yang terhad, pemahaman asas bagi perkataan seperti *pinnacle* mungkin masih kabur. Pada tahap kedua pula, pemahaman makna metaforikal perkataan *pinnacle* dalam kuliah yang berbunyi, "*race awareness training really was the pinnacle moment of this whole process*," misalannya akan merumitkan lagi proses pemahaman. Oleh itu satu cadangan yang dikenal pasti ialah pedagogi bahasa kedua atau bahasa asing harus berdasarkan contoh metafora yang digunakan secara berleluasa dalam sesuatu komuniti bahasa.

Bab kesebelas ditulis oleh Boers, Deconinck dan Lindstromberg (hlm. 239–256). Para pengarang kajian ini menjelaskan bahawa perkataan atau morfem bukan unit asas dalam pemerolehan bahasa. Pandangan ini juga diperjelas dalam rencana (Sew, 2011). Menurut para pengarang kajian ini, kanak-kanak dan orang dewasa menyebut dan menggunakan unit-unit yang beruntai. Mereka hanya ternampak perkataan dalam bentuk unit tunggal apabila hendak membuat pengesahan ke atas sesuatu maklumat, sama ada menghuraikan makna morfem atau membuat penyangkalan, perkataan dalam bentuk patah muncul. Sebenarnya pada peringkat interaktif, ujaran yang bersertakan gaya persembahan menjadi indeks komunikasi yang penting dalam pergaulan sesama manusia, baik secara

bersemuka (Cameron, 2007), mahupun secara digital (Sew, 2010). Data di dalam kelas bahasa yang dikemukakan oleh ketiga-tiga pengkaji ini menunjukkan pembelajaran bahasa asing yang dimulakan pada tahap frasa amat berkesan apabila irama fonetik dimanfaatkan ke dalam pemahaman.

Dalam erti kata yang lain, rima dan asonansi penting bagi kefahaman bahasa asing dan bahasa ibunda yang berkesan (Sew, 2013). Frasa *baby boom*, *false dawn*, *part and parcel*, *sing the same song*, *steer clear* dan banyak lagi menjadi sasaran perbincangan para pengkaji. Dalam ujikaji pedagogi bahasa, ulangan konsonan dan vokal dalam frasa diperjelaskan semasa pengajaran bahasa. Para pengkaji mendapati pemahaman dan ingatan tentang ungkapan yang berima sama ini tetap terus malar selepas seminggu mempelajarinya. Pelajar bahasa asing dalam kumpulan kawalan pula didapati sering kali terlupa akan ungkapan yang sama jika keterangan tambahan tentang ulangan bunyi dalam suku kata perkataan tidak diberitahu kepada mereka.

Namun begitu, kajian dalam bab kelima karya Stenger, Boers, Housen dan Eyckmans (hlm. 99–117) tidak akur dengan konsep celik ulangan bunyi sebagai teknik pengukuhan ingatan dalam pedagogi kosa kata bahasa asing. Stenger dan rakan-rakannya menyatakan bahawa penjelasan fonetik tambahan kepada para pelajar tidak semestinya menjadi penentu kefahaman yang muktamad selagi faktor-faktor lain dalam persekitaran pembelajaran bahasa tidak dapat diasingkan. Perkara ini disebabkan pelajar sasaran tersebut turut mengikuti banyak kuliah bahasa asing yang dipelajari menerusi kaedah yang berbeza-beza. Setiap satu pendekatan akan mempengaruhi fikiran dan minat para pelajar. Keterangan daripada guru bahasa asing memang banyak dan rumit. Oleh itu adalah sukar untuk mengenal pasti arahan yang mana satu telah berjaya memperkukuhkan daya ingatan perkataan bahasa asing di dalam kelas.

Akhir kata, kerangka ilmu dalam buku ini menerbitkan pengkaedahan bahasa yang beraneka ragam untuk direnungi oleh para pendidik bahasa. Kajian frasa sebagai titik tolak pendidikan bahasa asing merakamkan perkembangan mutakhir dalam pedagogi bahasa. Perbezaan sudut pandangan tentang skema minda yang terbentuk dalam proses pemerolehan bahasa pula menghidupkan semula pandangan konvensional dalam penyelidikan bahasa sebagai sistem penandaan tidak wewenang. Pandangan ilmiah ini pernah diusahakan oleh Sapir (1929).

Dalam buku ini, dapatan penting oleh para penyelidik dari negara Taiwan, Hong Kong dan Jepun telah melengkap pandangan pakar dari negara Belgium, Britain, German dan Sepanyol. Pengkaji-pengkaji linguistik terapan serta pedagogi bahasa dari negara Amerika Syarikat, Australia, Malaysia dan New Zealand turut memberikan sumbangan masing-masing sama ada sebagai penulis ataupun penyunting. Buku pengkaedahan bahasa ini mengutarakan beberapa buah fikiran baru yang akan menyemarakkan analisis pendidik bahasa asing dalam lapangan linguistik terapan. Oleh sebab itu, adalah wajar bagi sumber pustaka yang menampung kajian pendidikan bahasa dan ilmu linguistik

terapan untuk memperoleh naskah ini sebagai sebahagian daripada koleksi ilmiah.

## **RUJUKAN**

- Asmah Haji Omar. 2010. *Kajian dan perkembangan Bahasa Melayu*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cameron, D. 2007. *The myth of Mars and Venus*. New York: Oxford University Press.
- Chomsky, N. 2005. Three factors in language design. *Linguistic Inquiry* 36: 1–22.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Knowledge of language: Its nature, origin, and use*. New York: Praeger.
- Sapir, E. 1929. A study of phonetic symbolism. *Journal of Experimental Psychology* 12: 225–239.
- Sew, J. W. 2013. Kesejajaran ikonik: Mengilhamkan seni karya. *Dewan Masyarakat* 51(7): 37–39.
- \_\_\_\_\_. 2011. Pandangan alternatif pada analisis semantik kognitif imbuhan *BeR-*. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(2): 155–170.
- \_\_\_\_\_. 2010. *Persembahan@Media.com*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Jyh Wee Sew  
National University of Singapore  
clssjw@nus.edu.sg